Saya menjangkakan, pengurusan ladang gagasan dengan pemilikan tanah PPK Bernam Jaya seluas 400 hektar.

Pembangunan semula ladang gagasan akan menjadikan sumber pendapatan kepada PPK Bernam Jaya dengan kedua-dua sektor ini mampu jana pendapatan RM500,000 keuntungan setahun,



ABD RAZAK



KEMPEN promosi daun Madre de Agua sudah mula dilaksanakan sebelum ini.



POKOK yang tumbuh subur menawarkan sumber makanan alternatif untuk ayam yang murah.



POKOK yang mudah ditumbuhi se-

Daun ganti dedak makanan ayam

RAKYAT Malaysia menyembelih 1.8 juta ekor ayam dan makan 2.8 juta biji telur sehari. Purata pengambilan daging ayam meningkat 21 peratus daripada 42 kilogram (2011) kepada 51 kilogram setahun sejurus (2016).

Dengan kuasa beli yang meningkat maka ayam kampung, ayam kacuk dan ayam organik adalah alternatif kepada ayam daging.

Ini bagi membolehkan pengambilan ayam yang lebih sihat tanpa penggunaan antibiotik dan teknologi organisma ubah suai secara genetik (GMO), dibela dengan kaedah perternakan lebih baik dan penambahan sumber makanan organik yang menggunakan sejenis daun.

Ini akan menjadi peranginan untuk pengguna beralih kepada pola pemakanan yang lebih bernutrisi.

Buat masa ini masih belum ramai yang mencubai kategori ini walaupun permintaan adalah tinggi.

Oleh itu dengan memanfaatkan sumber makanan alternatif, industri ayam kampung, kampung kacuk dan organik akan lebih rancak lagi.

Ketika ini cabaran utama industri ternakan ayam adalah harga makanan yang terlalu mahal sehingga menyebabkan ada pengusaha kecil-kecilan gulung tikar. Sumber makanan utama ayam seperti jagung umpanianya agak mahal dan kerajaan perlu mengimpor kira-kira RM3 bilion untuk tujuan itu.

Meihat kepada masalah tersebut, seorang pengusaha

ternakan tempatan memulakan kajian bagi mencari makanan alternatif mengantikan dedak.

Pengusaha terbitan, Supardi Bai menggunakan daun Madre de Agua (*Trichanthera gigantea*) yang mengandungi protein yang tinggi sebagai alternatif yang baik kepada pentermak ayam untuk mengurangkan kebergantungan kepada dedak.

Daun berkenaan yang bellau namakan sebagai 'ketum ayam' dikatakan tidak beracun dan tidak mengandungi antinutritif yang membolehkan proteininya diserap terus ke dalam badan untuk membantu mempercepatkan tumbesaran.

Berkongsi lebih lanjut inisiatifnya untuk menghasilkan makanan ayam sendiri, Supardi memberitahu, antara faktor yang mendorongnya adalah harga makanan ayam terlalu mahal.

Selain itu, beliau inginkan makanan ayam yang diketahui kandungan nutrisi sekiranya dihasilkan sendiri.

"Kita bimbangkan penggunaan bahan kimia, jadi makanan yang dihasilkan sendiri kita tahu kandungannya," ujarnya.

Beliau mendakwa daging ayam yang diberi ketum ayam kurang lemak dan teksturnya lebih kenyal serta rasanya lebih manis berbanding ayam yang diberi dedak 100 peratus mamakala telurnya mengandungi lebih Omega-3.

Pengilang dedak yang juga penternak sudah semestinya mengutamakan ternakan mereka dari segi nutrisi dan jangka hayat dedak sebelum menjual 'baki dedak mereka.'

"Kita pentermak-penternak kecil tidak mempunyai pilihan

melainkan membeli baki dedak dari syarikat-syarikat besar ini dengan harga hampir tiga kali ganda lebih tinggi daripada harga kos mereka setelah diambil kira dengan kos bahan mentah, pekerja, fasiliti, pengurusan, pengedaran, peruncit dan margin keuntungan.

Berkelulusan ijazah dari Okayama Universiti Jepun, Supardi yang mesra dipanggil Pak Tam menjalankan kajian tentang daun berkenaan sejak 2012.

Bermula dengan adaptasi terhadap cuaca dan persekitaran di Malaysia, seterusnya kajian penambahbaikan untuk makanan ayam telah dijalankan.

Pelbagai percubaan antaranya meribus dengan ikan masin, rebus dengan perencah sup, kisar dan gaul dengan dedak, kisar untuk minuman, biskut atau cekodok dan banyak lagi cuba dan jaya dijalankan.

Percubaan-percubaan ini diberikan kepada sejumlah ayam kacuk dalam beberapa siri ternakan.

Berasaskan keputusan percubaan-percubaan ini, sampel terdiri daripada campuran daun tua, sedang dan muda telah dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk dianalisis pada November 2015.

Beliau mendakwa hasil analisis menunjukkan kandungan protein kasar yang tinggi iaitu sebanyak 23.3 peratus sebaliknya nilai lemak kasar adalah rendah iaitu 2.6 peratus.

"Ini bukanlah satu keberulan kerana menurut data-data kajian di luar negara menunjukkan kandungan protein melebihilah 20 peratus."

"Kandungan protein ini jauh lebih tinggi berbanding rumput napier sekitar 14 peratus, daun



kelapa sawit 15 peratus dan dedak (antara 10 peratus hingga 21 peratus)."

Walau bagaimanapun, perlu dingat bahawa sama seperti semua tumbuhan lain, kandungan nutrisi adalah berkadar terus dengan kesuburan.

Pokok daun berkenaan ditanam pada jarak minimum 5 x 5 kaki sesuai ditanam di tanah yang agak lembab, subur dan agak terlindung seperti di celah pokok pisang, durian dan sebagainya.

Pengaruh yang konsisten dapat membantu kesuburan dan memaksimumkan kandungan protein.

Pokok berdaun lembut ini cepat membesar dan boleh mencapai ketinggian lima kaki dalam tempoh empat bulan.

Walabagaimanapun, menurut pengalamannya pokok tidak akan naik subur di tanah yang kering dan tidak bernutrisi. Sekiranya berpeluang, dapatkan khidmat nasihat Jabatan Pertanian untuk memastikan kesesuaian tanah sebelum menanam.

Pokok berkenaan boleh

meningkatkan keberulangan.

Walau bagaimanapun, kerja-kerja mencanang perlu dibuat untuk menghasilkan tunas baru yang subur di samping memudahkan memekat daun.

Penjagaan pokok tersebut amat mudah.


Selain sifat babi yang amat menyukai tunas muda, pada peringkat awal ia boleh dikatakan hamipir tiada musuh.

Sekiranya terdapat kuye (kulat putih seperti tanaman cili dan sayur-sayuran), semburkan racun serangga sekali-sekala apabila perlu.

Pembajuan sekali sekala menggunakan najis ternakan



SUPARDI BAI





diri secara kecil-kecil.



MAKANAN
organik
sepetutnya
menghasilkan
kestabilan
perternak
ayam.

sudah memadai.

Berbeza dengan kelapa sawit atau getah, daun ini oleh mula dituai seawal dua bulan selepas penanaman.

Petik daunnya sahaja dan barking pucuk mengeluarkan daun muda yang baru. Daunnya yang lebar mempercepatkan kerja penyaluran sana ada menggunakan gunting atau dengan tangan.

Fohon yang berusia setahun boleh menghasilkan 500 gram atau lebih daun segar selaku tuai bergantung kepada kesuburan. Sehektar tanah boleh menghasilkan lebih 20 tan daun segar setahun mengatasi hasil kelapa sawit mahupun getah.

Pemberian kepada ternakan

BUAT masa ini, ternakan yang sesuai diberi makan daun ini ialah ayam kampung dan kambing yang tidak lepas bebas, ayam kacuk, itik dan ayam belanda, burung puyuh, ikan lampau dan tilapia.

Pada peringkat permulaan mungkin ada penolakan disebabkan ternakan telah biasa dengan makanan rutin.

Bagi mengatasinya, tarik perhatian ternakan dengan mengunting memanjang daun pada saiz satu milimeter tetapi tidak putus pada urat tunjang dan kemudian gantungkan. Ia akan bergoyang dan akan menarik perhatian ayam untuk makan.

Ulang selama dua hari dan boleh dirakik dan berikan terus pada hari ketiga.

Tujuan meracik supaya senang dimakan dan mengelakkan kerja-kerja tambahan untuk mengoyakkan daun. Ini kerana daun berkenaan agak tebal dan sedikit liat untuk dikoyak.

Selain diberikan dalam bentuk segar, ia juga boleh diproses menjadi sumber protein dengan menggunakan ubi kayu dan lain-lain.

Pada peringkat awal hingga empat minggu berikutan secara berperingkat pada kadar kurang daripada 30 peratus keperluan makanan harian. Ini kerana pada peringkat ini tulang belum dapat menampung kadar kenaikan berat ayam.

Ternakan ayam kampung kacuk yang dijalankan di Johor mendapat ayam menjadi lebih sihat dengan kadar kematian 0.3 peratus.

Kadar tumbesaran meningkat kepada dua kilogram (jantan) dan 1.7 kilogram (betina) pada umur



AYAM menjadi sumber protein penting masyarakat Malaysia.



DAUN yang digunakan sebagai makana ayam.

10 minggu.

Menurut beberapa tukang masak dan penggemar ayam kampung, dagingnya lebih kenyal dan manis berbanding ayam kampung kacuk yang diberi dedak berterusan.

Daun ini telah digunakan sebagai makanan ternakan sejak sekitan lama di negara-negara tropika dan difahamkan tiada simptom negatif seperti keracunan dilaporkan.

Pada masa ini, masih belum ada kajian spesifik berkaitan manfaatnya dalam bidang perubatan. Kajian juga sedang dijalankan bagi membuat percubaan menambahkan lemak kasar dan kalsium kepada tumbuhan ini dengan kaedah tut dengan harapan daun ini akan lebih hampir kepada nutrisi lengkap untuk ternakan. Keputusan hasil kajian tersebut akan diperoleh dalam tempoh enam bulan lagi.

Sekiranya berjaya maka kebergantungan kepada dedak dapat dikurangkan.

Matlamat utama kajian tersebut adalah menjadikan daun berkenaan sebagai sumber protein makanan ternakan bagi menggantikan hamis kacang soya yang diimpor.

Dengan campuran ubi kayu sebagai sumber karbohidrat, maka pengusaha dapat memenuhi 80 peratus keperluan nutrisi ternakan dan semuanya produk tempatan.

ia bukan sahaja akan menjadi industri yang mampu menjana pekerjaan, malah akan menyelamatkan aliran keluar wang RMS bilion setahun.

INFO

- Pokok *Madre de Agua* berasal dari Amerika Selatan dan mudah ditanam.

- Daun segar boleh diberikan terus kepada ternakan atau diproses.

- Pokok ketum ayam spesis pokok kekal, daun muda yang lebar mencelah sekali dan berat sebelah 10 gram dipetik setiap antara dua hingga minggu dapat membantu mengurangkan pemberian dedak.

- Kos pengeluaran yang lebih rendah akan menjadi pemangkin untuk pengguna terutama sun rumah berbilang kepada ayam organik berbanding ayam daging yang disuntik hormon penggemukan.

- Harga dedak yang tinggi menjadikan kos makanan mencecah 70 peratus daripada keseluruhan kos pentemakan kerana:

- 1) Kebergantungan kepada import bahan mentah utama iaitu jagung dan hamis kacang soya terutama dari Argentina, Brazil dan Amerika Syarikat.

- 2) Bisnes ternakan ayam didominasi oleh syarikat besar yang mempunyai kilang dedak sendiri.



Kosmetik berasaskan enzim nanas

INOVASI DIBANGUNKAN MENERUSI KERJASAMA ENSU LIFESCIENCES, SIRIM BERHAD

Nanas mempunyai pelbagai manfaat kepada badan manusia. Selalunya nanas digunakan dalam masakan dan dimakan secara mentah untuk mendapatkan nutrien yang terdapat di dalamnya.

Menyedari kebaikan nanas, syarikat Bumiputera, ENSU Lifescience Sdn Bhd (ENSU Lifesciences) dengan kerjasama Sirim Berhad berjaya menghasilkan produk kosmetik berasaskan enzim nanas yang dikenali ENSUtouch.

Pengasas ENSU Lifescience, Suhana Husin berkata, penghasilan kosmetik berasaskan enzim nanas menggunakan biojism nanas kaleng sebagai bahan utama.

"Produk kosmetik itu dihasilkan melalui proses berkualiti, berkesan dan selamat, mengandungi bahan aktif premium seperti enzim bromelin berfungsi melambatkan proses penuaan, merawatkan keradangan kulit, meningkatkan keanjalan dan seri wajah serta mencerahkan kulit."

Menurutnya, ia menggunakan teknologi hijau melibatkan pemprosesan biojism iaitu komponen buah nanas seperti kulit, mahkota dan teras kepada 'Standardised Extract' tanpa penggunaan bahan kimia berbahaya.

"Pada 2018, Inovasi Iaitu ekstrak Bromex Bioactive memenangi pingat perak di Pemeraian Rekaipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) dan kini dalam proses memperbaiki inovasi ini," katanya.

Mengulas mengenai proses ekstrak ini, ENSU Lifescience berkata, proses ini melibatkan pembersihan bahan mentah dan diproses menjadi puri sebelum dihantarkan ke Sirim untuk proses pengelokstrakan.

"Proses dilakukan penyelidikan Sirim terlebih dan berpengalaman dalam penyelidikan dna pengujian melalui projek ko-laborasi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan SIRIM -Fraunhofer Projek ini mencerminkan bahawa kolaborasi dan sinergi antara Institusi penyelidikan dna pkS sebagai faktor dalam menghasilkan produk yang berkualiti tinggi," katanya.

Pastikan ia selamat

Pengurus Besar IBRC Sirim Berhad, Dr Ahmad Hazri Ab Rashid berkata, bahan mentah iaitu biojism nanas kaleng



DARI kiri Suhana, Dr Ahmad Hazri, Dr Nurul Izah dan tetamu yang hadir pada majlis pelancaran produk ENSUtouch.

“Penyelidikan melalui kaedah 3D Screening Sel ini memakan masa hampir dua tahun bertujuan bagi menghasilkan produk kecantikan yang terbukti selamat, berkesan dan berkualiti,”

- DR AHMAD

diperoleh daripada Perbadanan Lembaga Nanas.

"Standardised Extract yang dihasilkan mengandungi enzim bromelin serta bahan antioksidan yang stabilisasi



ANTARA produk ENSUtouch yang diluncurkan dilaporkan nanas.

dengan 'edible stabiliser' dan 'biocompatible preservative' untuk tahan penyimpanan serta mengekalkan keselamatan buah kulit dalam jangka masa panjang.

"Setiap produksi ekstrak nanas ini melalui sijil analisa (Certificate of Analysis - COA) tersendiri bagi rujukan kualiti, keselamatan dan standard dari segi profil kimia, biologikal dan aktiviti enzim," katanya.

Dr Ahmad berkata, produk ENSUtouch melalui standard penghasilan tinggi di mana proses ekstrak ini memepati kawalan kualiti, ujian logam berat dan mikrobiologi (APHA) dan blosas.

"Produk kosmetik ini iaitu serum, pencuci muka dan 'sleeping mask' dihasilkan melalui proses yang berkualiti dan selamat serta mengandungi bahan aktif premium seperti enzim bromelin. Enzim bromelin berfungsi membantu melambatkan proses penuaan, merawatkan keradangan kulit, meningkatkan keanjalan dan seri wajah serta mencerahkan kulit," katanya.

Beliau berkata, Sirim memastikan produk ENSUtouch setanding dengan produk yang diimport berikutnya telah lama menjalankan penyelidikan dan pembangunan produk kosmetik dan banyak menerima maklum balas yang

positif pengguna dari Malaysia dan rantau ini.

"Penyelidikan Kanan Sirim, Dr Nurul Izah Nordin yang mengutip sekumpulan saintis berpengalaman dari Sirim Berhad menjalankan penyelidikan mengenai enzim bromelin yang terdapat dalam nanas dan khasiatnya kepada kulit wajah.

"Penyelidikan melalui kaedah 3D Screening Sel ini memakan masa hampir dua tahun bertujuan bagi menghasilkan produk kecantikan yang terbukti selamat, berkesan dan berkualiti," katanya.

Sasar Jualan 3,000 unit

ENSU Lifescience menyasarkan jualan produk itu yang didatangkan tiga rangkaian produk iaitu Active Skin Repair Serum, Sleeping Mask dan Facial Cleanser itu sebanyak 3,000 unit dalam tempoh permulaan.

"Sekarang ini, produk ini boleh diperoleh secara atas talian dan pengedar di seluruh negara. Kami akan memfokuskan pasaran Malaysia terlebih dahulu untuk mengukuhkan kedudukan produk dalam segmen kosmetik dan syarikat dalam pasaran tempatan."

"Kami merancang untuk meluaskan pasaran ke Indonesia terlebih dahulu dan turut mendapat permintaan dari Singapore dan Brunei," katanya.



MENTUA Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asia Tenggara Salehuddin Hassan (tertinggi) ketika hadir merasmikan pelancaran produk itu.

RENCANA NIAGA

PENULIS: DATUK AZMI ABDUL MALEK, SISWAZAH PHD UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM).

UMAT ISLAM MALAYSIA PERLUKAN KIRA-KIRA 10,000 LEMBU KORBAN SETIAP TAHUN

PERMINTAAN lembu korban semakin meningkat setiap tahun setiap kali tiba musim Hari Raya Aidiladha.

Namun, keperluan itu tidak dapat dipenuhi kerana kekurangan bekalan lembu daripada peternak tempatan.

Peternak terpaksa mengimport kekurangan bekalan itu daripada negara Jiran terutamanya Thailand.

Sehubungan itu, peternak terpaksa menanggung beban kos mengimport lembu terbarat yang agak tinggi sehingga ia boleh mempengaruhi harganya di pasaran tempatan.

Sebenarnya ternakan lembu korban boleh menghasilkan pendapatan tinggi di negara ini jika ia diusahakan secara besar-besaran dan lebih ekonomik terutama dalam kalangan petani di luar bandar kerana selain dilajukan bahan makanan harian, penduduk Islam di negara ini turut menggunakan ternakan lembu sebagai binatang korban sempena menyambut hari raya Aidil Adha.

Setiap kali tiba Aidiladha, umat Islam akan menyembelih beberapa ekor lembu, kerabing, kerbau dan unta sebagai melaksanakan ibadah korban sebelum mengagihkan dagringnya kepada orang ramai yang berhak menerima.

Difahamkan, umat Islam di negara ini memerlukan kira-kira 10,000 lembu korban setiap tahun, namun peternak lembu tempatan hanya mampu menyediakan bekalan sebanyak 2,000 lembu atau 20 peratus sahaja daripada jumlah keperluan sebenarnya setiap tahun.

Sementara selebihnya laju sebanyak 8,000 lembu atau 80 peratus daripada jumlah permintaan terpaksa diimport daripada peternak negara Jiran terutamanya Thailand.

Permintaan lembu tetap tinggi

Menurut seorang peternak terkenal di Teluk Intan, Perak, Mohd Hashim Ayub, 50, walaupun harga jualannya semakin meningkat, namun permintaan lembu tetap tinggi terutama ketika menjelang musim Hari Raya Korban.

Beliau yang berpengalaman lebih 25 tahun dalam bidang ternakan lembu menyatakan, harga seekor lembu seberat 240 kilogram hanya RM2,800 kira-kira 10 tahun lalu.

"Kini harganya meningkat kepada RM4,200 mengikut berasal yang sama di samping RM4,800 seekor mengikut lembu yang mempunyai berat 260 kilogram dan berusia lebih dua tahun sejak empat tahun lalu," katanya.

Mohd Hashim yang mempunyai kelayakan akademik Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian dalam bidang Pembibik Bakau daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 1994 ini berkata, pada tahun lalu peternak negara Ini menjual seekor lembu kategori C seberat antara 170 hingga 200 kilogram pada harga RM3,500, kategori B seberat 201 hingga 230 kilogram (RM4,000), kategori A seberat 231 hingga 270 kilogram (RM4,500) dan kategori AA seberat 271-300 kilogram (RM5,000).

"Permintaan lembu yang semakin meningkat setiap tahun, terutama ketika keadaan ekonomi mantap, bekalan



Permintaan lembu korban kian meningkat

ternakan lembu pun semakin berkurangan.

"Sehubungan itu, bagi menampung kekurangan bekalan berkenean, pembekal dan peternak lembu tempatan terpaksa mengimportnya daripada negara Jiran seperti Thailand kerana kos pengangkutan melalui jalan laut terlalu mahal," katanya.

Tambahnya, kebanyaknya peternak Malaysia tidak mahu mengimport lembu daripada Myanmar dan Cambodia kerana kos pengangkutan melalui jalan laut terlalu mahal.

Sehubungan itu, Thailand mengimport lembu daripada Cambodia dan Myanmar melalui jalan darat dengan kos lebih murah dan akhirnya menjualannya semula kepada peternak negara ini menggunakan jalan darat di sempadan negara itu.

Secara tidak langsung kos pembelian peternak tempatan negara Ini menjadi lebih mahal.

"Bagaimanapun cara ini membolehkan peternak Malaysia mengurangkan kos import berbanding membeli sendiri di Cambodia dan Myanmar melalui jalan laut," katanya.

Kos gemukkan lembu meningkat

Vietnam menjual lembu ke negara China dalam jumlah lebih besar dengan harga agak tinggi melalui jalan darat dengan sebahagian besar memperoleh bekalan daripada Australia.

Atas alasan keselamatan, China tidak memberikan Australia menggunakan jalan lautnya untuk mengeksport terus lembu negaranya.

Pengimport Malaysia tidak mampu membeli ternakan atau baka lembu daripada Vietnam kerana harganya terlalu mahal.

Oleh itu, mereka memilih cara mudah dan mureh dengan bergantung kepada bekalan import melalui jalan darat di sempadan Thailand.

Permintaan tinggi lembu daripada Indonesia dan Filipina menyebabkan harga eksport lembu Australia di negara ASEAN lain turut menjadi lebih mahal selain menghadapi masalah tukaran wang asing di sana.

Selain masalah harga pembelian tinggi, baka lembu luar negara untuk

kesihatan dan proses menggemukkan halwan berkenaan sebelum dijual di pasaran.

Mereka juga mestil mengetahui sejuk-belok pasaran lembu tempatan dan luar negara.

Dasar perlindungan peternak tempatan

Dasar perlindungan peternak tempatan lebih kukuh haruslah digubal dengan baik supaya mereka tidak mengalami kerugian besar apabila ada persinggan harga di peringkat antarabangsa.

Kerajaan tidak sepatutnya membenarkan pihak tertentu mengimport lembu daripada luar negara semata-mata mahu mendapat tawaran harga lebih murah dan keuntungan lumayan bermusim berbanding menjaga kepentingan peternak tempatan.

Penulis mencadangkan kerajaan supaya mengimport lembu daripada negara Brazil selain Australia bagi mengimbangi harga binatang ternakan itu di pasaran antarabangsa dan menyekat dasar monopoli masing-masing sekaligus mengurangkan harga eksport mereka ke negara Ini.

Sehubungan itu harga lembu tempatan akan lebih stabil dan memberi manfaat kepada pengguna di negara ini.

Bagi mengejalkan kos mekanan ternakan semakin meningkat dan risiko keramat ternakan lembu akibat serangan penyakit berjangkit, peternak disarankan mengimport lembu hidup daripada negara Jiran dua atau tiga bulan sebelum tiba musim perayaan Aidiladha.

Harga lembu yang semakin murah akan mendorong lebih ramai umat Islam di negara Ini memulakan ibadah korban setiap tahun pada masa hadapan di samping memberi manfaat pula kepada peternak lembu tempatan dari segi kestabilan harga dan permintaannya.

Jika anda ingin berkongsikan pandangan atau artikel berkaitan bisnes & ekonomi, sila emelkan kepada meja.bisnes@sinarharian.com.my

REVIU

Delux® UniTect terbukti 6 kali lebih kuat



Delux® UniTect didatangkan dengan pelbagai warna dan pelbagai reka bentuk menarik.

SISTEM pintu keselamatan aluminium Delux® UniTect keluaran syarikat perintis dalam pembuatan pintu untuk rumah, Delux® Stainless Steel Sdn Bhd dilengkapi bingkai aluminium penyempitan 3D dengan ketebalan 3 milimeter (mm), ditambah daun pintu aluminium penyempitan dalam 3mm. Pintu aluminium ini sangat tahan lama dan tidak terdedah kepada retakan yang disebabkan penyalgunaan, tekanan, atau keadaan cuaca buruk.

Ia menyediakan perlindungan daripada pencurian atau kemasukan paksa. Dengan sistem kunci keselamatan yang luar biasa dan kuku anti-mengikat, meningkatkan lagi tujuan keselamatannya.

Pintu keselamatan Ini dibina daripada aloi aluminium gred seni bina, ia terbukti enam kali lebih kuat daripada pintu besi tempa serta tahan terhadap semua karat dan kakisan.

Ia didatangkan dengan pelbagai warna dan pelbagai reka bentuk bagi memenuhi nilai estetik dari ultra moden sehingga tradisional.

Pintu keselamatan Ini turut menyediakan laluan keluar kecemasan yang pantas jika berlaku kecemasan.

Sumber: Lembaran sesawang mydelux

By ABIRAMI DURAI
star2@thestar.com.my

OVER 30 years ago, Dr Abdul Aziz Zakaria's father gave him a plot of land in their home state of Kelantan. Aziz's father had been a passionate collector of different durian varieties.

Aziz, a lecturer on irrigation at Universiti Pertanian Malaysia (UPM) at the time, began to follow in his father's footsteps. "I started collecting and planting durians in 1988 as a hobby when my father told me, 'This one-acre farm is yours.' Before that, I used to bring seedlings back for my father to plant as I was exposed to a lot of durian clones when I was working in UPM," recalls Aziz, 73.

Later, his mother gave him a two-acre plot, and he himself purchased a three-acre piece of land. Today, his three farms are home to 70 to 80 different kinds of durian trees and about 50 lesser-known traditional local fruit trees like buah tampui, buah kerian, buah bacang and buah tarap.

But durian remains his main passion. In the earlier stages of his collecting (before the smartphone era), Aziz would even bring individual durians to a photo studio so he could photograph and catalogue each variety properly.

Today, Aziz has amassed quite a large repository of rare durian varieties, like the durian botak, which as its name implies, is a thorn-free variety of the king of fruits. Then there is his prized durian kura-kura – where the fruit grows on the trunk of the tree.

"This durian tree will only grow in the shade. It takes about 20 years to bear fruit, so if you're 60 or 70 years old, don't bother planting it now, lah," says Aziz.

The intrepid durian collector



Aziz started collecting and planting durians over 30 years ago, and now has over 70 varieties of durians, including rare ones like the durian kura-kura pictured here. — Photos: DR ABDUL AZIZ ZAKARIA



The red-fleshed durian is Aziz's favourite and he has so far collected 30 of this variety of durian.

more). Many years ago, he even managed to get a local kampung durian collector to share 30 of the 50 kampung durians he had collected.

"Only 10 managed to grow; the rest succumbed to disease or storms," he says.

Aziz's next pursuit will take him to Kuala Lipis, Pahang, to collect a different species of durian kura-kura he has found out about.

He says that collecting and growing durians is not for the faint-hearted, especially if, like him, you're not in it for commercial gain. He estimates he has lost at least half of his collection through disease, droughts or storm damage. One particularly bad storm wiped out 30 trees in one fell swoop!

"To look for durian varieties, Aziz travels all over Malaysia, Brunei and other countries (although not as regularly these days as he doesn't have much space on his farm anyway).

will survive. If a tree dies and a space becomes vacant, I'd plant a new tree," says Aziz.

Nowadays, Aziz has become something of a durian expert. He gives seminars on growing durians, and is working on a book that he hopes will serve as a durian orchard management manual, documenting how to grow trees from beginning to end.

His knowledge is so valued that he has even had farmers fly him to Indonesia just to determine if the Musang King on their farms are the real deal.

"If you put the seed in front of me or if I get to look at the leaves and plant, I already know what species or clone it is," he says modestly.

Because he deals so much in durians, you might think Aziz would have grown sick of eating the fruit. But as it turns out, he remains a passionate consumer of durians and still eats it every single day!

"I keep the durian flesh in the freezer and have a piece of durian every day with buah and ulam, which is how we eat it in Kelantan," he says.

Aziz also doesn't let the durians on his farm go to waste. As they are not intended for sale, he hosts a huge annual tasting where he invites between 50 and 300 of his friends to come and sample the fruit.

Although he is getting on in age now and admits he has contemplated selling off his farms, Aziz says he doesn't really have the heart to do so because he is still so passionate about durians.

"Although family members have been telling me to sell off the farms, I think I will keep collecting and planting for as long as I am healthy and able because the passion for durians keeps me going," he says.